



**PEJABAT KETAU PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

**PENGENALAN SISTEM e-ARAHAH AMALAN**

Sebagai salah satu inisiatif bagi meningkatkan pentadbiran Kehakiman keadilan, Badan Kehakiman Malaysia akan mewujudkan satu enjin carian bagi Arahan Amalan, Pekeliling dan Surat Penting Mahkamah yang dikenali sebagai Sistem e-Arahan Amalan (“**e-Arahan Amalan**”). Sistem ini akan mula beroperasi (*go live*) pada 14 Ogos 2020 dan pengguna boleh mengakses sistem tersebut di pautan <https://intranet.kehakiman.gov.my/EAA/>

e-Arahan Amalan adalah satu enjin carian yang dibangunkan secara dalaman bagi penyimpanan Arahan Amalan, Pekeliling dan Surat Penting Mahkamah yang telah dan yang akan dikeluarkan oleh Badan Kehakiman Malaysia. Sistem ini akan membantu pengguna untuk membuat carian mengikut tajuk, kategori dan pengeluar dokumen serta melakukan carian dalam carian untuk hasil yang lebih terperinci. Pengguna juga boleh memuat turun salinan asal Arahan Amalan, Pekeliling dan Surat Penting Mahkamah yang dipaparkan dalam sistem.

Video Panduan Penggunaan e-Arahan Amalan boleh dilayari di portal rasmi Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia di [www.kehakiman.gov.my](http://www.kehakiman.gov.my) dan akaun media sosial youtube Badan Kehakiman Malaysia.

Sekian terima kasih.

**Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya**  
**Tarikh: 13 Ogos 2020**